

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA  
(BATU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 26.05.2016**

**Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA [ BATU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah benar bahawa 1MDB harus menebus IPIC sebanyak USD1.1 bilion. IPIC kini mendakwa bahawa mereka masih belum menerima apa-apa bayaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah yang dituntut oleh IPIC adalah sebanyak USD1.1 bilion. Namun demikian, terdapat pertikaian di antara pihak 1MDB dan IPIC yang bukan sahaja ke atas jumlah tersebut malah ke atas tanggungjawab pembayaran faedah dan prinsipal bon yang diterbitkan oleh 1MDB Energy Langat Ltd (USD1.75 bilion) dan 1MDB

Energy Limited (USD1.75 bilion).

Pada masa ini, pihak 1MDB sedang mengkaji dan akan mengambil segala langkah yang perlu untuk membuktikan bahawa pihak IPIC dan Aabar Investments PJS bertanggungjawab ke atas dana yang telah dibayar oleh 1MDB kepada Aabar BVI berjumlah USD3.5 bilion.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi transaksi pemindahan dana sebanyak USD3.5 bilion kepada syarikat Aabar Investments PJS Limited ("Aabar BVI"), pihak pengurusan 1MDB telah mengikut segala terma dan syarat yang ditetapkan berdasarkan perjanjian yang dimeterai bersama dengan pihak pengurusan tertinggi IPIC dan Aabar Investments PJS ("Aabar Abu Dhabi").